

31/05/2000

Kos pindah teknologi perlu nominal

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli perniagaan Eropah yang mengadakan usaha sama dengan usahawan Asia, perlu bersedia memindahkan teknologi dengan kos yang nominal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan teknologi tidak statik, Perdana Menteri berkata, dengan jangka hayat hanya beberapa bulan, apa yang dipindahkan hari ini mungkin tidak lagi canggih ketika produk itu dipasarkan.

"Harga pemindahan (teknologi) adalah antara masalah yang dihadapi negara Asia Tenggara. Sekiranya kita cuba untuk mengenakan cukai, pelabur asing akan pergi ke tempat lain.

"Negara di Asia Tenggara bersaing antara satu sama lain untuk menarik pelaburan asing dan terpaksa mengetepikan hak dan hasil bagi berada di hadapan pesaing mereka," katanya dalam ucap-tama pada Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 di Hotel Hilton, di sini hari ini.

Sidang kemuncak dua hari itu yang dianjurkan Yayasan Global Panel, HIS Malaysia dan Kumpulan Utusan itu bertema Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Eropah-Asia Tenggara: Keadaan Baru, Pembentuk, Trend dan Peluang.

Dr Mahathir berkata, sekiranya pelabur asing membantu mengkayakan negara di Asia Tenggara, secara langsung atau tidak langsung rantau ini akan menjadi pasaran baik untuk pasaran dan perkhidmatan keluaran mereka.

"Kami percaya pada apa yang kami panggil sebagai perkongsian pintar. Mereka yang kurang mampu bukan pelanggan baik tetapi jika anda menjadikan mereka kaya mereka boleh jadi pelanggan baik," katanya.

Beliau berkata, keperluan teknologi di rantau ini juga membuka peluang besar kepada rakan di Eropah tetapi pemindahan teknologi bukan murah walaupun ada kesanggupan untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, kesan daripada globalisasi dan Internet juga mesti dikaji dengan teliti kerana ia boleh mengubah cara perniagaan dikendalikan antara Asia Tenggara dan Eropah.

"Kita pandai berkata-kata mengenai dunia tanpa sempadan yang memudahkan komunikasi. Nampaknya kini lokasi strategik tidak lagi bermakna khasnya dalam menjalankan perdagangan antarabangsa ataupun dalam negara," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ketika menjalankan perniagaan usahawan Eropah mahupun Asia tidak boleh mengabaikan faktor budaya, kesetiaan dan perasaan kemanusiaan.

Penggunaan Internet juga katanya, membolehkan perniagaan lebih cekap manakala barangan dan perkhidmatan lebih murah serta mampu dibeli oleh orang miskin yang tidak berkemampuan sebelum ini.

"Bagaimanapun, teknologi maklumat, multimedia dan Internet membuka banyak peluang bagi orang Eropah untuk menjalankan perniagaan di Asia Tenggara tetapi tidak sebanyak itu kepada peniaga Asia Tenggara yang mahu menjalankan perniagaan di Eropah," katanya.

Dr Mahathir juga menyarankan pengeluar teknologi supaya mengurangkan harga untuk pasaran Asia Tenggara bagi mengurangkan kejadian mencetak rompak harta intelek.

"Ketika negara kami untuk menguatkuasakan Akta Hak Cipta Harta Intelek, pemilik perlu cuba mengurangkan harga bagi memastikan cetak rompak tidak menguntungkan," katanya.

(END)